

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap tekanan kerja, tahap kepuasan kerja dan tahap komitmen guru sekolah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti punca-punca yang membawa tekanan kepada guru. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan di antara tahap tekanan kerja, tahap kepuasan kerja dan tahap komitmen guru dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.

Kajian ini melibatkan seramai 150 orang guru yang mewakili lima belas buah sekolah di sekitar daerah Kota Bharu. Data-data telah diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik. Rumusan hasil kajian yang diperolehi adalah seperti berikut :

- a) Tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru di daerah Kota Bharu adalah di tahap sederhana tertekan
- b) Tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru didapati berada di tahap yang tinggi.
- c) Sebahagian besar guru menyatakan tahap komitmen yang tinggi untuk

terus kekal di dalam profesion perguruan.

- d) Didapati lima punca utama yang boleh menyebabkan tekanan kepada guru ialah terlalu banyak kerja perkeranian, terpaksa menangani pelajar-pelajar yang berkelakuan buruk, sikap buruk pelajar terhadap kerja, terpaksa mengajar kelas yang besar, kekurangan masa untuk berehat dan bersantai akibat daripada jadual waktu yang berat.
- e) Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan.
- f) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan di kalangan guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1 - 3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada 4 tahun.
- g) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru yang mengajar di kelas menengah atas dan guru yang mengajar di kelas menengah rendah.
- h) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kepuasan kerja guru sama ada dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.
- i) Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru lelaki dan guru perempuan.
- j) Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mengajar lebih daripada 4 tahun.

- k) Tidak terdapat perbezaan antara tahap komitmen guru yang mengajar di kelas menengah rendah dan guru yang mengajar di kelas menengah atas.

5.2 Perbincangan

5.2.1 Tahap tekanan yang dialami oleh guru

Dapatan kajian ini menunjukkan guru sekolah di daerah Kota Bharu mengalami tekanan kerja di tahap sederhana tertekan. Peratus guru yang mengalami tekanan pada tahap sederhana tertekan adalah paling tinggi berbanding peratus guru yang mengalami tekanan pada tahap sedikit tekanan atau tekanan tinggi. Dapatan kajian ini didapati selari dengan dapatan yang diperolehi daripada kajian yang dibuat di beberapa buah sekolah di Malaysia seperti kajian yang dibuat oleh Tan (1996) dan Abdul Rahim (1998), Suseela (1994). Walau pun tahap tekanan guru berada di tahap sederhana tetapi kecenderungan untuk meningkat ke tahap yang lebih tinggi adalah besar sekiranya masalah dan punca tekanan tidak di kenal pasti dan diselesaikan dengan segera.

5.2.2 Tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru

Walau pun dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru ini mengalami tekanan dalam kerja tetapi kajian ini mendapati bahawa tahap kepuasan kerja yang

dinyatakan oleh guru adalah lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa tekanan kerja yang dialami oleh guru tidak mempengaruhi tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru. Sebagaimana yang diperolehi daripada kajian-kajian yang dijalankan oleh Borg dan Falzon (1989) dan Kyriacou dan Sutchiffle (1979) juga menunjukkan bahawa guru menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi walaupun mereka menghadapi tekanan dalam kerja. Dapatkan kajian ini bercanggah dengan pendapat Clarke (1985) yang menyatakan bahawa kesan daripada tekanan yang dialami oleh seseorang akan menyebabkan hilang minat terhadap kerja serta wujud perasaan ketidak puasan hati terhadap kerja.

5.2.3 Tahap komitmen guru

Kajian ini juga mendapati bahawa sebahagian besar guru menunjukkan tahap komitmen yang tinggi iaitu memilih untuk terus kekal dalam profesion perguruan. Seperti yang diperolehi dalam kajian-kajian yang lalu sama ada kajian dari dalam atau luar negeri mendapati bahawa peratus guru yang menyatakan keinginan untuk kekal dalam profesion guru adalah lebih besar berbanding peratus guru yang menyatakan ketidak inginan untuk kekal. (Borg dan Riding, 1991a; Tan, 1996 dan Suseela, 1994, Jainabee, 1991). Ini juga menunjukkan walau pun guru ini mengalami tekanan kerja tetapi keinginan dan komitmen terhadap profesion guru adalah tinggi. Tahap komitmen yang tinggi yang ditunjukkan oleh guru ini adalah mungkin disebabkan oleh kepuasan kerja yang mereka alami. Ini terbukti melalui

dapatkan kajian ini yang menunjukkan tahap kepuasan tinggi mencatatkan peratus guru yang paling banyak berbanding peratus guru yang mengalami tahap kepuasan yang rendah. Kenaikan gaji dan pelbagai kemudahan yang diberikan kepada guru mungkin menjadi sebab guru untuk terus kekal dalam profesi perguruan.

J **5.2.3 Punca tekanan**

Daripada tiga puluh item yang dikemukakan untuk mengenal pasti punca tekanan, terdapat lima item yang mencatat skor min tertinggi dan dianggap sebagai punca utama yang membawa tekanan kepada kerja guru. Di antara lima punca utama ini ialah terlalu banyak kerja penkeranian. Punca tekanan ini turut ditandakan sebagai punca utama tekanan kepada guru diperolehi daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Lortie (1975), Tan (1996), Smilansky (1984), Farber (1984) dan Suseela (1994). Perkara ini turut disokong oleh Sufean Husien (1993). Menurut beliau guru bukan sahaja menjadi guru tetapi juga bertugas sebagai kerani dalam menyediakan urusan sampingan seperti urusan buku teks pelajar, hal ehwal kebajikan pelajar, disiplin pelajar, akaun persatuan dan kelas, kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum dan sebagainya.

Masalah menangani pelajar yang berkelakuan buruk dan juga masalah sikap buruk pelajar terhadap kerja merupakan dua punca yang ada hubungan dengan pelajar merupakan antara punca utama yang membawa tekanan kepada

guru. Broiles (1982) dan Smilansky (1984) juga mendapati bahawa punca tekanan yang dialami oleh guru selain daripada beban kerja yang banyak, mereka juga terpaksa menghadapi sikap pelajar yang buruk. Siti Rohani (1991) melalui kajiannya juga menunjukkan bahawa faktor pelajar iaitu masalah sikap, minat dan kerja yang ditunjukkan oleh pelajar sangat menekan tugas guru.

Selain daripada sikap buruk pelajar terhadap kerja, masalah terpaksa mengajar di kelas yang besar juga menjadi punca utama yang membawa tekanan kepada guru. Dapatan yang sama turut diperolehi dalam kajian oleh Kong Chan dan Hui (1995) yang mendapati bahawa mengajar di kelas yang bersaiz besar mendatangkan tekanan dan ketegangan kepada guru. Kelas yang mempunyai pelajar yang ramai akan menimbulkan tekanan dan ketegangan jika disusuli dengan kebisingan dan ketidak upayaan dalam pengawalan dan pengurusan dalam bilik darjah. Tekanan juga mungkin timbul sekiranya kurang kemahiran dalam berinteraksi dengan pelajar dalam kelas dan juga terpaksa mengendalikan jumlah buku latihan yang banyak. Menurut kajian Suseela (1994), nisbah guru-pelajar yang besar di Malaysia iaitu 1:40 merupakan penyebab utama tekanan kepada guru. Sekiranya ia tidak diatasi akan memburukkan lagi masalah tekanan kepada guru.

Selain daripada itu, guru juga akan mengalami tekanan kerja sekiranya mereka menghadapi kekurangan masa untuk berehat dan bersantai akibat daripada jadual waktu yang berat. Tugas guru ketika mengajar pelajar memerlukan

pergerakan yang aktif dan penggunaan suara yang banyak dan tinggi kadang kala memerlukan masa rehat yang tertentu sedangkan pada masa rehat di antara waktu mengajar terpaksa digunakan untuk membuat tugas bukan pengajaran. Menurut kajian Shahbudin (1986) purata masa mengajar adalah selama 36.27 jam seminggu manakala 16.6 jam seminggu adalah masa untuk membuat tugas-tugas lain yang berkaitan dengan pengajaran atau tugas penkeranian. Waktu luang di sekolah tidak mencukupi untuk melaksanakan segala-galanya bahkan guru terpaksa mengorbankan masa di luar masa kerja rasmi untuk menyelesaikan kerja-kerja sekolah.

5.2.4 Perbezaan tahap tekanan mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar

Dapatan kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan yang dialami oleh guru lelaki dan guru perempuan. Guru lelaki lebih banyak menghadapi tekanan berbanding guru perempuan. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Borg dan Falzon (1989), Teuttemann dan Punch (1990) dan Borg dan Riding (1991a). Tugas guru yang bukan sahaja berhadapan dengan karenah pelajar tetapi terpaksa menangani kerja-kerja diluar tugas pengajaran merupakan sebab yang memungkinkan guru lelaki lebih merasa tertekan kerana guru perempuan dikatakan lebih sesuai dengan sifat semulajadi mereka untuk mengadapi keadaan ini berbanding guru lelaki.

Dari segi pengalaman mengajar, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap tekanan kerja di kalangan guru yang mempunyai pengalaman antara 1-3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun. Ini bermakna sedikit atau banyak pengalaman seseorang tidak menentukan tahap tekanan yang mereka alami.

Begitu juga dari segi kelas yang diajar, mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru mengajar di kelas menengah atas dan guru yang mengajar di kelas menengah rendah. Ini mungkin disebabkan oleh guru yang mengajar di tingkatan menengah rendah mungkin terpaksa menghadapi masalah pelajar yang agak sama dengan guru yang mengajar di tingkatan menengah atas.

5.2.5 Perbezaan tahap kepuasan kerja mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru sama ada dari segi jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar. Tahap kepuasan yang dialami oleh guru lelaki tidak menunjukkan perbezaannya dengan tahap yang dialami oleh guru perempuan. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara

tahap kepuasan kerja yang dialami oleh yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun. Dari segi kelas yang diajar, tahap tekanan yang dialami oleh guru yang mengajar pelajar di kelas menengah atas dan guru yang mengajar di kelas menengah rendah juga tidak menunjukkan perbezaan. Ini bermakna jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar tidak menentukan tahap kepuasan kerja yang dialami oleh guru.

J **5.2.6 Perbezaan tahap komitmen guru mengikut jantina, pengalaman mengajar dan kelas yang diajar.**

Dari segi jantina, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru lelaki dan guru perempuan. Guru lelaki didapati menunjukkan tahap komitmen yang tinggi berbanding guru perempuan. Walau pun guru lelaki mencatatkan tahap tekanan kerja yang lebih tinggi daripada guru lelaki tetapi mereka telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap profesion guru. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap komitmen guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun dan guru yang mengajar lebih daripada 4 tahun. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 4 tahun lebih menunjukkan komitmen terhadap profesion guru berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar antara 1-3 tahun. Dari segi kategori kelas yang diajar, antara

guru yang mengajar kelas menengah rendah dan guru yang mengajar di kelas menengah atas tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tahap komitmen terhadap profesion guru.

5.3 Cadangan

Tekanan di kalangan guru merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian. Kesejateraan dan kesempurnaan dalam menjalankan tugas seperti bebas daripada unsur-unsur yang boleh menyebabkan tekanan amat penting bagi seorang guru kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membentuk generasi muda yang merupakan generasi pewaris masa depan. Walaupun dapatan kajian menunjukkan tahap tekanan kerja yang dialami oleh guru adalah di tahap sederhana tertekan dan bilangan guru yang mengalami tekanan yang tinggi adalah sedikit tetapi sekiranya masalah ini dibiarkan berterusan, bilangan guru yang mengalami tekanan kerja yang tinggi akan meningkat. Di bawah ini diutarakan beberapa cadangan untuk mengelakkan daripada berlakunya tekanan.

1. Dalam kajian ini didapati tugas-tugas perkeranian dianggap sebagai punca utama yang menyebabkan tekanan kerja di kalangan guru. Adalah dicadangkan pihak pentadbir menambahkan kakitangan perkeranian di sekolah untuk mengurangkan beban tugas guru agar mereka dapat menumpukan lebih masa mereka terhadap tugas

mengajar dan mendidik. Dicadangkan juga, pihak pentadbir melantik dan menyerahkan tugas-tugas sampingan ini kepada pegawai khas samada ada di kalangan guru atau pegawai lain yang mempunyai kemahiran dalam tugas tersebut. Sekiranya mereka adalah di kalangan guru, beban mengajar haruslah dikurangkan agar prestasi mengajar tidak terjejas.

2. Dicadangkan juga, guru-guru diberi mendahan dan bimbingan mengenai pengurusan masa. Bagi menghadapi tekanan akibat daripada beban kerja yang berat dalam tugas mengajar yang padat dan tugas perkeranian yang perlu dilaksanakan, kebijaksanaan menguruskan masa adalah penting.
3. Kajian ini mendapati satu lagi punca yang dianggap membawa tekanan kerja kepada guru ialah terpaksa mengajar di kelas yang bersaiz besar. Dalam masalah ini, pihak Kementerian Pendidikan perlu mengambil langkah yang wajar untuk mengurangkan nisbah guru-murid. Langkah-langkah seperti menambah bilangan guru dan bilik darjah di sekolah atau sekiranya perlu, membina sekolah yang baru amatlah digalakkan. Bilangan pelajar yang kecil akan memudahkan guru melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan lebih berkesan.

4. Dalam kajian ini didapati guru mengalami tekanan akibat daripada masalah yang ditimbulkan oleh pelajar. Adalah disarankan, pihak Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Negeri atau Daerah mengadakan bengkel atau kursus yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah dan bimbingan dan kaunseling seperti kemahiran komunikasi antara guru-pelajar, cara menangani disiplin pelajar dan lain-lain. Ini penting bagi guru memahami tingkah laku dan masalah pelajar serta membuat penyesuaian dengan persekitaran bilik darjah dan juga sekolah tanpa ada rasa tertekan.
5. Selain daripada itu, tekanan kerja yang berpunca daripada kelakuan pelajar juga dapat diatasi sekiranya terdapat kerjasama daripada pihak ibu bapa dan rakan sejawat yang lain. Pihak ibu bapa diharapkan dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya dalam membantu guru menghadapi dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan anak-anak mereka sama ada masalah pelajaran atau masalah tingkah laku.
6. Dapatan kajian ini mendapati guru yang baru dan mempunyai pengalaman yang sedikit menunjukkan tahap komitmen yang kurang terhadap profesi guru. Berasaskan dapatan ini, adalah disarankan terutama pihak sekolah menjalankan orientasi bagi mendedahkan kepada guru persekitaran dan alam pekerjaan yang lebih

menyeronokkan. Jika perlu, pembimbing atau mentor patut dilantik bagi guru ini menyampaikan maklumat atau masalah yang berkaitan dengan pekerjaan mereka itu.

7. Pihak Kementerian Pendidikan dan pihak Jabatan Pendidikan juga dicadangkan mengadakan aktiviti yang boleh memberi pendedahan kepada guru tentang tekanan dalam organisasi pendidikan. Maklumat yang berkaitan dengan tekanan dan cara menangani tekanan bukan sahaja memberi gambaran kepada guru tentang tekanan dalam organisasi pendidikan tetapi dapat memantapkan dan meningkatkan keupayaan diri guru itu sendiri.

5.3 Cadangan kajian selanjutnya

Oleh kerana guru adalah nadi dan penggerak utama kepada kejayaan matlamat sistem pendidikan, maka adalah wajar untuk memberi perhatian kepada masalah tekanan dan kepuasan kerja di kalangan guru. Oleh itu, cadangan-cadangan berikut dikemukakan untuk penyelidikan selanjutnya.

1. Kajian ini hanya melibatkan beberapa buah sekolah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Dicadangkan satu kajian yang lebih menyeluruh di seluruh Malaysia untuk mendapat gambaran yang

lebih mendalam mengenai tekanan dan kepuasan kerja di kalangan guru sekolah di Malaysia.

2. Bagi melihat perbezaan antara tahap tekanan dan tahap kepuasan kerja serta punca yang membawa tekanan kepada guru di sekolah menengah dan guru sekolah rendah, adalah dicadangkan agar dijalankan satu kajian perbandingan.
3. Memandangkan sekarang ini banyak ditubuhkan sekolah-sekolah swasta, dicadangkan kajian seperti ini turut dijalankan disekolah ini bagi melihat apakah terdapat perbezaan tahap tekanan dan punca tekanan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah swasta dan sekolah bantuan kerajaan.
4. Kajian ini hanya melihat tahap tekanan dan kepuasan kerja yang dialami oleh guru serta punca yang membawa tekanan kepada guru. Oleh itu dicadangkan agar dijalankan kajian yang berkaitan dengan bagaimana cara guru ini menghadapi tekanan ini.